

SULIT

94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN - BN]**

TARIKH : 13 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian dalam mendekati golongan belia, terutamanya para graduan universiti agar mereka lebih memahami hasrat dan perancangan murni Kementerian dan sekali gus menghindari golongan muda ini dari terpesong dan bersikap anti-Kerajaan.

SULIT**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah merangka dan melaksanakan program-program yang sesuai dalam usaha menarik minat golongan belia terutamanya golongan mahasiswa melalui pelaksanaan program kesukarelaan dan pembangunan potensi seperti Felo Perdana, MyCorps, dan Parlimen Belia Malaysia.
2. Antara program-program yang dilaksanakan oleh KBS untuk menangani persepsi negatif mahasiswa terhadap kerajaan adalah seperti program Parlimen Belia Malaysia (PBM), Program Felo Perdana dan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) yang memenuhi kehendak belia serta mengiktiraf potensi belia dengan cara yang positif. Program Felo Perdana contohnya, adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa (Felo) yang cemerlang dan berbakat di mana didedahkan secara langsung dalam urusan tadbir negara. Felo bertugas di pejabat Menteri dalam membantu Menteri berkenaan dalam melaksanakan agenda nasional.
3. Manakala Program Parlimen Belia Malaysia adalah merupakan medium untuk membahaskan pandangan dan suara hati yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) dan diangkat serta dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk tindakan seterusnya. Pendirian kerajaan yang mengambil serius terhadap usul yang dibentang oleh Ahli Parlimen Belia,

SULIT

membuktikan keprihatinan Kerajaan ke atas idea dan cadangan orang muda. Ini diharapkan dapat meningkatkan lagi keyakinan golongan muda terhadap pelaksanaan dasar-dasar dan program-program Kerajaan.

4. Secara umumnya program yang dilaksanakan ini berupaya memberi pemahaman hasrat dan perancangan murni KBS di kalangan belia.

Sekian, terima kasih.